

Perancangan Strategik dan Prestasi Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak

(Strategic Planning and Students' Achievement of National Secondary School Students in Sarawak)

Ha How Ping^{1*} , Abdul Halim Busari² , Zaimuarifuddin Shukri Nordin³ 

¹Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: peonyha74@gmail.com

²Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: bhalim@unimas.my

³Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: nzaim@unimas.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Ha How Ping
(peonyha74@gmail.com)

KATA KUNCI:

Perancangan strategik
Prestasi pelajar
Sekolah menengah

KEYWORDS:

Strategic planning
Students' achievement
Secondary school

CITATION:

Ha, H. P., & Abdul Halim Busari, Zaimuarifuddin Shukri Nordin. (2022). Perancangan Strategik dan Prestasi Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001687. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1687>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh perancangan strategik terhadap prestasi pelajar di samping mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan mengedarkan soal selidik kepada sampel kajian yang terdiri daripada pengetua sekolah menengah kebangsaan di negeri Sarawak. Kandungan soal selidik telah disahkan oleh tiga orang pakar yang berpengalaman dalam bidang pengurusan sekolah. Sebanyak 130 maklum balas responden kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 26.0. Analisis korelasi Pearson menunjukkan perancangan strategik mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi pelajar ($r=0.515$, $p=0.000$). Setiap proses dalam perancangan strategik juga berkorelasi secara positif dengan prestasi pelajar pada tahap kekuatan yang berbeza. Analisis regresi berganda melaporkan perancangan strategik mempengaruhi prestasi pelajar sebanyak 35.2%. Dapatan kajian menunjukkan perancangan strategik mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar sekolah menengah kebangsaan di negeri Sarawak.

ABSTRACT

This study aims to investigate the influence of strategic planning on students' achievement and also to identify the relationship between the two variables. Quantitative method is used in this study by distributing a questionnaire to the samples involved which consisted of national secondary schools principals in the state of Sarawak. The content of the questionnaire is verified by three experienced experts in the field of school management. A total of 130 responses from

respondents are analyzed using SPSS version 26.0. Pearson correlation analysis shows that strategic planning had a significant positive relationship with students' achievement ($r=0.515, p=0.000$). Each process in strategic planning is also positively correlated with students' achievement at different levels of strength. Multiple regression analysis has reported that strategic planning affect students' achievement by 35.2%. The findings of the study shows that strategic planning has a significant influence on the students' achievement of national high schools in the state of Sarawak.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian terhad yang menyiasat perancangan strategik di sektor pendidikan. Sumbangan utama kajian ini adalah mengenal pasti hubungan yang signifikan antara perancangan strategik dengan prestasi pelajar di sekolah menengah Sarawak. Dapatan kajian ini mendedahkan kepentingan perancangan strategik bagi peningkatan prestasi pelajar.

1. Pengenalan

Prestasi pelajar sering dilihat sebagai keberhasilan daripada keberkesanan organisasi sekolah (Cunningham, 2012). Keberkesanan sekolah pula berdasarkan kualiti sekolah dalam aspek kepemimpinan, pengurusan, pembelajaran dan pemudahcaraan yang memberi implikasi terhadap kemenjadian murid (JNJK, 2017). Menurut Saat dan Zain (2016), proses pembangunan pendidikan bermula dengan pengurusan sekolah yang berkesan. Perancangan strategik pula merupakan hal pengurusan yang penting untuk mengekalkan pembangunan sekolah yang mampan (Myende & Bhengu, 2015). Ini bermakna perancangan strategik perlu diurus dengan baik untuk menjamin keberkesanan sekolah supaya membawa impak kepada prestasi pelajar.

Perancangan strategik dipersetujui secara umum oleh pakar pengurusan sebagai alat yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian organisasi (Bryson & Edwards, 2017; Fullan, 2007; Pindur, 1992). Perancangan strategik dapat memandu organisasi mencapai matlamat yang ditetapkan. Melalui proses perancangan strategik yang menyeluruh, organisasi sekolah dapat menentukan hala tuju yang jelas, menjelaskan isu utama organisasi dalam pencapaian pelajar melalui analisis persekitaran luaran dan dalaman, mengenal pasti strategi yang digunakan, melaksanakan strategi dan menyemak pelaksanaan strategi serta menambahbaikkan strategi secara berterusan sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan (Hairuddin, 2012).

1.1. Pernyataan Masalah

Prestasi murid mengimplicasikan kualiti sistem pendidikan sesebuah negara. Masyarakat tempatan memberi perhatian terhadap prestasi murid dan menjadikannya sebagai kayu ukur terhadap kecemerlangan sesebuah sekolah. Oleh itu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh organisasi pendidikan untuk meningkatkan prestasi murid secara menyeluruh dan holistik (KPM, 2013). Namun demikian, prestasi murid masih kurang memuaskan sama ada dalam bidang akademik (Saat & Zain, 2016), kokurikulum (Husain et al., 2017) mahupun tingkah laku murid (Amin et al., 2019).

Masalah prestasi pelajar diminati oleh sarjana sehingga terdapat banyak penyelidikan yang berkaitan. Penyelidikan terdahulu telah menerokai pelbagai faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar seperti pengurusan dan kepimpinan pentadbir (Faezah et al., 2018; Saat & Zain, 2016), prestasi guru (Juliana et al., 2020) dan latar belakang murid (Mahamud, 2017). Walau bagaimanapun, amat terhad penyelidikan yang mengaitkan prestasi pelajar dengan perancangan strategik, sedangkan perancangan strategik adalah agenda utama dalam pengurusan organisasi sekolah untuk kemenjadian pelajar. Bidang ilmu berkaitan strategi masih dianggap baru dan belum dikembangkan selanjutnya dalam sektor pendidikan (Carvalho et al., 2021; Yaakob et al., 2019). Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang pengaruh perancangan strategik dengan pencapaian prestasi pelajar.

1.2. Tujuan dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh perancangan strategik terhadap pencapaian prestasi pelajar sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak. Dengan itu, persoalan yang dikemukakan dalam kajian adalah:

- i. Adakah perancangan strategik mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak?
- ii. Adakah perancangan strategik memberi sumbangan yang signifikan dengan prestasi pelajar sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak?

2. Sorotan Literatur

2.1. Prestasi Pelajar

Prestasi pelajar merupakan keberhasilan yang dicapai oleh pelajar sekolah sama ada dalam aspek kognitif atau bukan kognitif (Babineau, 2017; Kenayathulla et al., 2019). Indikator untuk pengukuran prestasi pelajar biasanya merangkumi pencapaian dan penglibatan pelajar dalam akademik dan bukan akademik, kehadiran, penangguhan pelajaran serta kelakuan pelajar (Clark et al., 2009; Education Bureau, 2016). Dalam konteks Malaysia, prestasi pelajar merujuk kepada kemenjadian pelajar dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah (KPM, 2017).

2.2. Perancangan Strategik

Bryson (2011) mentakrifkan perancangan strategik sebagai suatu usaha yang berhemat untuk menghasilkan keputusan dan tindakan asas supaya membimbing organisasi mengenali organisasi sendiri, apa yang dilakukan dan mengapa ia dilakukan. Ini bermakna perancangan strategik dapat memandu organisasi mengenal pasti apa strategi yang perlu dilaksanakan, cara pelaksanaan dan tujuan pelaksanaan (Bryson et al., 2009). Selain itu, perancangan strategik dapat memacu organisasi mencapai matlamat organisasi dalam jangka masa yang ditetapkan (Wolf & Floyd, 2017), mengetahui kedudukan semasa (Wanjiku et al., 2018), membuat ramalan keupayaan organisasi terhadap perubahan persekitaran (Leon-Soriano et al., 2010), mengurus isu kritikal (Poister & Streib, 1999) dan mengatur sumber organisasi (Ilic, 2013).

Umumnya, perancangan strategik meliputi proses yang teratur untuk mengimbas persekitaran, menggubal strategi, melaksana strategi dan menilai strategi bagi pencapaian matlamat organisasi (Bryson, 2011; Pasha et al., 2015; Wanjiku et al., 2018).


Menurut [Pasha et al. \(2015\)](#), perancangan strategik ialah pembentukan strategi yang komprehensif dengan proses-proses yang sistematik untuk mengekalkan keberkesanan dan kecergasan organisasi dalam tempoh masa yang panjang. Model [Hairuddin dan Muhammad Bustaman \(2009\)](#) telah menggariskan tujuh fasa proses untuk dijadikan rujukan sekolah dalam pembangunan perancangan strategik yang formal iaitu pra perancangan; mendefinisikan hala tuju sekolah; analisis persekitaran; penentuan isu, matlamat, objektif, KPI dan sasaran, pembinaan pelan taktikal dan operasi; implementasi strategi; penilaian prestasi dan penambahbaikan berterusan.

Organisasi sekolah memerlukan strategi yang berkesan untuk mencapai sasaran dalam prestasi pelajar dan melestarikan kecemerlangan. Berdasarkan [Bell \(2004\)](#), perancangan strategik merupakan satu-satunya pendekatan yang sah untuk menyediakan masa depan organisasi sekolah dan membantu sekolah mencapai sasaran prestasi pelajar. Selaras dengan [Davies dan Ellison \(2005\)](#) yang menerangkan matlamat dalam pencapaian kurikulum dan aspek lain memerlukan perancangan strategik yang relevan untuk merealisasikannya. Seterusnya, [Zakaria et al. \(2021\)](#) dalam kajian telah menyatakan perancangan strategik berupaya mencorakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan prestasi pelajar. Kepentingan perancangan strategik disokong dengan dapatan kajian [Damary et al. \(2020\)](#) dan [Kariuki et al. \(2017\)](#) yang menunjukkan pelaksanaan perancangan strategik berkorelasi positif dengan prestasi pelajar sekolah menengah negara Kenya.

2.3. Kerangka kajian

Berdasarkan objektif dan sorotan literatur, kerangka konseptual kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Kerangka konseptual kajian



3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk dan sampel Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif untuk membuat tinjauan melalui instrumen soal selidik secara keratan rentas. Item soal selidik digubal dalam *Google Form* dan diedarkan kepada sampel kajian secara atas talian. Kutipan data dianalisis untuk mengenal pasti hubungan dan sumbangan perancangan strategik terhadap prestasi pelajar sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini memilih negeri Sarawak sebagai lokasi kajian memandangkan negeri Sarawak mempunyai paling banyak sekolah menengah dalam Malaysia yang bertabur luas di bawah seliaan 30 pejabat pendidikan daerah. Sebanyak 135 sampel sekolah telah dikenal pasti melalui teknik pensampelan rawak strata. Pengetua sekolah sebagai peneraju dalam perancangan strategik sekolah telah dipilih menjadi responden kajian.

3.2. Instrumen dan Kebolehpercayaan

Instrumen kajian terdiri daripada 3 bahagian iaitu maklumat demografi responden, pengukuran perancangan strategik sekolah dan pencapaian prestasi pelajar. Konstruk perancangan strategik mengadaptasi sumber instrumen [Hairuddin dan Muhammad Bustaman \(2009\)](#) serta [Ishak \(2020\)](#). Terdapat tujuh dimensi perancangan strategik yang kesinambungan untuk menilai amalan perancangan strategik. Manakala konstruk prestasi pelajar merangkumi aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah pelajar tahun 2020 berdasarkan indikator kemenjadian pelajar dalam instrumen SKPMg2 ([KPM, 2017](#)). Kandungan instrumen kajian telah disahkan oleh tiga orang pakar yang berpengalaman dalam pengurusan pendidikan. Analisis kebolehpercayaan *Cronbach* dibuat berdasarkan 30 data kajian rintis. Didapati pekali alfa Cronbach setiap konstruk telah melebihi titik penerimaan iaitu 0.70 ([Sekaran & Bougie, 2016](#)), iaitu 0.717 bagi konstruk prestasi pelajar, 0.789 bagi pelaksanaan pra perancangan, 0.914 bagi penentuan hala tuju organisasi, 0.864 bagi analisis persekitaran dalaman dan luaran, 0.918 bagi penentuan isu strategik, 0.790 bagi penggubalan strategi, 0.806 bagi pelaksanaan strategi dan 0.826 bagi pemantauan, penilaian dan penambahbaikan. Dapatan ini menunjukkan instrumen kajian boleh diterima untuk menilai pemboleh ubah kajian.

4. Hasil Kajian

Setelah proses pembersihan data, sebanyak 130 data responden dikenal pasti untuk analisis deskriptif dan inferensi seterusnya.

4.1. Analisis deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan maklumat demografi responden seperti yang terpapar pada [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Analisis Demografi Responden

Demografi Responden	Kekerapan (N=130)	Peratus (%)
Lokasi sekolah		
Bandar	46	35.4
Luar bandar	84	64.6
Jantina		
Lelaki	97	74.6
Perempuan	33	25.4
Pengalaman dalam pentadbiran		
Kurang dari 1 tahun	5	3.8
1-5 tahun	20	15.4
6-10 tahun	28	21.5
Lebih dari 10 tahun	77	59.2
Kelulusan akademik		
Ijazah sarjana muda	80	61.5
Sarjana	48	36.9
Doktor falsafah	2	1.5
Kehadiran latihan perancangan strategik		
Tidak pernah	18	13.8
Pernah	112	86.2

Bagi analisis demografi lokasi sekolah, didapati seramai 46 (35.4%) pengetua berkhidmat di sekolah bandar dan 84 (64.6%) pengetua berkhidmat di luar bandar. Ini bermakna majoriti sekolah sampel adalah dari sekolah luar bandar. Selain itu, dapatan menunjukkan kebanyakan responden terdiri daripada pengetua lelaki iaitu 97 orang (74.6%) dan selebihnya 33 orang responden (25.4%) ialah pengetua perempuan. Daripada aspek pengalaman dalam pentadbiran pula, didapati bahawa hanya 5 orang pengetua (3.8%) berpengalaman kurang daripada 1 tahun. . Manakala 20 orang pengetua (15.4%) berpengalaman 1-5 tahun dan 28 orang pengetua (21.5%) mempunyai pengalaman antara 6-10 tahun. Pengetua yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun adalah sebanyak 77 orang (59.2%). Dengan kata lain, majoriti responden terdiri daripada pengetua sekolah yang berpengalaman dalam urusan pentadbiran dan berupaya memberi maklumat dalam kajian ini. Seterusnya maklumat kelulusan akademik responden telah menunjukkan kesemua pengetua mempunyai ijazah sekurang-kurangnya pada tahap sarjana muda, dengan 80 orang (61.5%) kelulusan ijazah sarjana muda, 48 orang (36.9%) kelulusan sarjana dan 2 orang (1.5%) mempunyai ijazah kedoktoran. Maklumat ini menunjukkan semua responden adalah berilmu untuk memberi maklum balas yang tepat. Akhirnya, hasil analisis menunjukkan 112 orang pengetua (86.2%) pernah mengikuti latihan perancangan strategik dan 18 orang pengetua (13.8%) tidak pernah menghadiri latihan perancangan strategik. Data ini perlu diberi perhatian oleh pihak KPM untuk memastikan setiap pengetua mempunyai kemahiran yang cukup untuk menerajui perancangan strategik sekolah.

4.2. Analisis Prasyarat

Sebelum analisis inferensi, ujian prasyarat telah dijalankan untuk menguji taburan kenormalan data, lineariti, multikolineariti, homoskedastisitas dan autokolerasi.

4.2.1. Ujian Kenormalan

Data responden kajian telah diuji kenormalan untuk menentukan pemilihan ujian statistik parametrik atau bukan parametrik. Ujian kenormalan menunjukkan nilai skewness dan kurtosis bagi setiap konstruk adalah berada dalam lingkungan -1.387 hingga +0.044 seperti yang dipaparkan pada [Jadual 2](#). Kedua-dua nilai tersebut berada dalam julat yang memenuhi ciri kenormalan [Chua \(2022\)](#) iaitu -1.96 hingga +1.96. Oleh itu, ujian statistik parametrik digunakan untuk analisis inferensi kajian ini.

Jadual 2: Ujian Kenormalan Kajian

Konstruk	Nilai Skewness	Nilai Kurtosis
Prestasi Pelajar	0.026	-0.748
Perancangan strategik	-0.118	-1.089
Pelaksanaan Pra Perancangan	-0.257	0.833
Penentuan Hala Tuju Organisasi	-0.317	-1.267
Analisis Persekitaran Dalaman dan Luaran	-0.460	-0.080
Penentuan Isu Strategik	0.044	-1.387
Penggubalan Strategi	-0.028	-0.782
Pelaksanaan Strategi	-0.093	-0.692
Pemantauan, Penilaian Dan Penambahbaikan Berterusan	-0.123	-0.715

4.2.2. Ujian Lineariti

Untuk mencapai objektif kajian, data bagi pemboleh ubah perancangan strategik dan prestasi pelajar perlu memenuhi andaian kelinearan dengan nilai *linearity* yang signifikan pada $p < 0.05$ dan nilai *deviation from linearity* yang signifikan pada $p > 0.05$. [Jadual 3](#) telah memaparkan keputusan ujian lineariti dan menunjukkan prasyarat ini telah dipenuhi.

Jadual 3: Ujian Lineariti Kajian

Pemboleh ubah Tidak Bersandar	Pemboleh ubah Bersandar	Nilai <i>linearity</i>	Nilai P	Nilai <i>deviation from linearity</i>	Nilai P
Perancangan strategik	Prestasi Pelajar	63.613	0.000	1.401	0.321

4.2.3. Ujian multikolariti

Ujian multikolariti dijalankan untuk mengenal pasti tidak wujud hubungan kuat antara konstruk pemboleh ubah tidak bersandar yang akan mengurangkan kuasa ramalan dalam model regresi. Berdasarkan [Jadual 4](#) di bawah, didapati data tidak wujud masalah multikolariti iaitu nilai *tolerance* adalah melebihi 0.1 dan *variance inflation faktor* adalah kurang daripada 10 ([Hussin et al., 2014](#)).

Jadual 4: Ujian Multikolariti Kajian

Konstruk Pemboleh ubah Tidak Bersandar	<i>Tolerance</i>	<i>Variance Inflation Faktor</i>
Pelaksanaan Pra Perancangan	0.225	4.452
Penentuan Hala Tuju Organisasi	0.238	4.206
Analisis Persekitaran Dalaman dan Luaran	0.375	2.665
Penentuan Isu Strategik	0.229	4.366
Penggubalan Strategi	0.252	3.964
Pelaksanaan Strategi	0.158	6.319
Pemantauan, Penilaian Dan Penambahbaikan Berterusan	0.206	4.851

4.2.4. Ujian Homoskedastisitas

Data pemboleh ubah tidak bersandar kajian diuji untuk memastikannya homoskedastisitas. Prasyarat ini dipatuhi jika nilai signifikan, $p > 0.05$. dalam ujian *Glejser*. [Jadual 5](#) menunjukkan keputusan ujian *Glejser*. Didapati nilai T bagi semua konstruk utama pemboleh ubah perancangan strategik mencapai aras signifikan lebih daripada 0.05.

Jadual 5: Ujian Glejser Kajian

Konstruk Perancangan Strategik	Nilai T	Nilai p
Pelaksanaan Pra Perancangan	-0.617	0.538
Penentuan Hala Tuju Organisasi	0.103	0.918
Analisis Persekitaran Dalaman dan Luaran	-0.821	0.413

Penentuan Isu Strategik	-1.387	0.168
Pengubalan Strategi	0.289	0.773
Pelaksanaan Strategi	1.469	0.144
Pemantauan, Penilaian Dan Penambahbaikan Berterusan	1.836	0.069

4.2.5. Ujian Autokolerasi

Model regresi yang baik harus bebas daripada masalah autokolerasi. Ujian autokolerasi dijalankan melalui analisis *Durbin-Watson*. Merujuk [Jadual 6](#), nilai *Durbin-Watson* bagi model regresi kajian adalah 1.941 iaitu lebih besar daripada nilai $d_U(1.722)$ yang ditetapkan dalam [Jadual Durbin-Watson](#) dalam [Savin dan White \(1977\)](#). Ini bererti tidak terjadi autokorelasi dalam data kajian

Jadual 6: Ujian *Durbin-Watson* Kajian

Model	R	R ²	R ² yang Diselaraskan	Anggaran Ralat Piawai	Durbin-Watson
1	0.593	0.352	0.315	0.43709	1.941

a. Peramal: (pemalar), pemantauan, penilaian dan penambahbaikan berterusan, penentuan hala tuju organisasi, analisis persekitaran dalaman dan luaran, pengubalan strategi, penentuan isu strategik, pelaksanaan pra perancangan, pelaksanaan strategi

b. Pemboleh ubah bersandar: Prestasi pelajar

4.3. Analisis Korelasi

Untuk menjawab persoalan kajian, analisis korelasi pearson dilaksanakan untuk mengenal pasti kewujudan hubungan antara perancangan strategik dengan prestasi pelajar. Kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah merujuk kepada taksiran pekali korelasi pearson [Chua \(2022\)](#) yang ditunjukkan dalam [Jadual 7](#).

Jadual 7: Taksiran Kekuatan Pekali Pearson

Nilai Pekali (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga .99 atau -.91 hingga -.99	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.79	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat lemah

Sumber: [Chua \(2022\)](#)

[Jadual 8](#) adalah hasil dapatan analisis korelasi yang membuktikan perancangan strategik mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar ($r=0.515$ dan $p=0.000$). Kekuatan hubungan korelasi tersebut adalah sederhana dan berarah positif.

Jadual 8: Hubungan Perancangan Strategik Dengan Prestasi Pelajar

Pemboleh ubah		Prestasi Pelajar
Perancangan Strategik keseluruhan	Korelasi Pearson	0.515**
	Sig. (2-hujung)	0.000
	N	130

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).

Analisis korelasi diteruskan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara setiap proses perancangan strategik dengan prestasi pelajar. Berdasarkan [Jadual 9](#), dapatan analisis menunjukkan setiap proses dalam perancangan strategik mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar (nilai $p=0.000$). Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan tersebut adalah berbeza yang mana pelaksanaan pra perancangan ($r=0.550$) dan penentuan hala tuju organisasi ($r=0.534$) berkorelasi sederhana kuat dengan prestasi pelajar. Manakala proses perancangan strategik yang lain berkorelasi lemah dengan prestasi pelajar. Antaranya, analisis persekitaran dalaman dan luaran ($r=0.410$), penentuan isu strategik ($r=0.381$), penggubalan strategi ($r=0.419$), pelaksanaan strategi ($r=0.500$) dan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan ($r=0.427$).

Jadual 9: Analisis Hubungan Antara Setiap Proses Perancangan Strategik Dengan Prestasi Pelajar

Proses Perancangan Strategik	Korelasi Pearson (Sig.)	Tafsiran kekuatan
Pelaksanaan Pra Perancangan	0.550 (0.000)	Sederhana
Penentuan Hala Tuju Organisasi	0.534 (0.000)	Sederhana
Analisis Persekitaran Dalaman dan Luar	0.410 (0.000)	Lemah
Penentuan Isu Strategik	0.381 (0.000)	Lemah
Penggubalan Strategi	0.419 (0.000)	Lemah
Pelaksanaan Strategi	0.500 (0.000)	Lemah
Pemantauan, Penilaian Dan Penambahbaikan Berterusan	0.427 (0.000)	Lemah

4.4. Analisis Regresi

Analisis kajian seterusnya bertujuan mengenal pasti sumbangan perancangan strategik terhadap prestasi pelajar. Untuk mencapai objektif ini, analisis regresi berganda dengan kaedah *Enter* dilakukan. Dapatan Anova yang ditunjukkan pada [Jadual 10](#) membuktikan perancangan strategik memberi sumbangan yang signifikan kepada prestasi pelajar dengan nilai $F=9.459$ dan $p=0.000$.

Jadual 10: Dapatan Anova

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Sig.
Regresi	12.649	7	1.807	9.459	0.000 ^b
Residul	23.308	122	0.191		
Jumlah	35.957	129			

Seterusnya, [Jadual 11](#) pula menunjukkan ringkasan sumbangan perancangan strategik terhadap prestasi pelajar. Hasil dapatan menunjukkan perancangan strategik secara keseluruhannya menyumbang sebanyak 35.2% ($R^2 = 0.352$) prestasi pelajar. Dengan erti

lain 64.8% prestasi pelajar tidak dapat dijelaskan dalam model ini tetapi oleh faktor-faktor lain yang di luar kajian.

Jadual 11: Ringkasan Sumbangan Perancangan Strategik dalam Model Regresi

Model	R	R ²	R ² yang Diselaraskan	Anggaran Ralat Piawai
1	0.593	0.352	0.315	0.43709

a. Peramal: (pemalar), pemantauan, penilaian dan penambahbaikan berterusan, penentuan hala tuju organisasi, analisis persekitaran dalaman dan luaran, penggubalan strategi, penentuan isu strategik, pelaksanaan pra perancangan, pelaksanaan strategi

b. Pemboleh ubah bersandar: Prestasi pelajar

Selanjutnya, pengkaji berminat untuk mengetahui proses perancangan strategik yang mana menjadi sumbangan utama dan disahkan secara statistik terhadap prestasi pelajar. Berdasarkan [Jadual 12](#), didapati bahawa hanya pelaksanaan pra perancangan (sig=0.027) dan penentuan hala tuju organisasi (sig=0.039) menyumbang kepada prestasi pelajar dengan nilai signifikan, $p < 0.05$. Manakala proses perancangan strategik yang lain bukan peramal yang signifikan terhadap prestasi pelajar.

Jadual 12: Pekali Peramal Kajian

Peramal	Pekali tidak piawai		Pekali Piawai		
	Beta	Ralat Piawai	Beta	Nilai t	Sig
(konstan)	1.249	0.410		3.045	0.003
Pelaksanaan Pra Perancangan	0.364	0.163	0.344	2.235	0.027
Penentuan Hala Tuju Organisasi	0.358	0.172	0.311	2.083	0.039
Analisis Persekitaran Dalaman dan Luaran	0.037	0.113	0.039	0.324	0.747
Penentuan Isu Strategik	-0.260	0.175	-0.226	-1.484	0.140
Penggubalan Strategi	-0.113	0.149	-0.110	-0.755	0.452
Pelaksanaan Strategi	0.318	0.207	0.282	1.541	0.126
Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan	-0.062	0.147	-0.067	-0.418	0.677

5. Perbincangan

Hasil dapatan kajian mendapati perancangan strategik secara keseluruhan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi pelajar sekolah menengah kerajaan negeri Sarawak. Ini bermakna perancangan strategik yang diamalkan mampu meningkatkan prestasi pelajar. Penemuan ini selari dengan dapatan kajian [Damary et al. \(2020\)](#) dan [Kariuki et al. \(2017\)](#) yang membuktikan perancangan strategik mempunyai hubungan positif dengan pencapaian prestasi pelajar di sekolah menengah negara Kenya. Selain itu, dapatan kajian juga selaras dengan kajian [\(Muhammad Zen, 2016\)](#) yang menemui perancangan strategik berkorelasi positif dengan pencapaian prestasi organisasi. Beliau menyatakan bahawa organisasi dipandu oleh perancangan strategik untuk mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan dalam suatu program. Menurut [Fullan \(2007\)](#), perancangan strategik mengupayakan organisasi sekolah menempuh cabaran dan mempertingkatkan pencapaian prestasi. Dengan itu, pihak sekolah perlu

menitikberatkan perancangan strategik dan menjadikannya satu mekanisme yang penting dalam pengurusan sekolah untuk meningkatkan pencapaian prestasi pelajar.

Hasil kajian telah menunjukkan setiap proses dalam perancangan strategik yang dinilai dalam instrumen kajian berhubungan positif secara linear dan signifikan dengan prestasi pelajar. Penemuan ini bertepatan dengan pandangan [Bryson et al. \(2018\)](#) yang menyatakan perancangan strategik yang diusahakan secara teratur dapat memberi hala tuju untuk memacu organisasi mencapai prestasi yang cemerlang. Tambahan pula, perancangan strategik yang berkesan amat bergantung kepada amalannya yang sistematik dan mantap ([Ropianto et al., 2017](#)). Pelaksanaan yang tidak sempurna dalam proses perancangan strategik menjadi halangan pencapaian matlamat organisasi. Kebanyakan sekolah mempunyai perancangan strategik formal tetapi diantahkan dari segi pelaksanaan ([Chukwumah & Ezeugbor, 2015](#)). [Piorkowska dan Rynca \(2020\)](#) pula mendapati faktor kegagalan organisasi bukan sekadar pada fasa pelaksanaan strategi tetapi setiap fasa dalam proses perancangan strategik. Hasil keputusan kajian dan sokongan pernyataan kajian terdahulu menjelaskan setiap proses dalam perancangan strategik adalah penting dan harus diamalkan secara menyeluruh untuk mendapatkan manfaatnya pada tahap optimum.

Selain itu, kajian ini telah mendapati perancangan strategik keseluruhan memberi sumbangan yang signifikan sebanyak 35.2% terhadap prestasi pelajar. Dapatan ini disokong oleh kajian [Damary et al. \(2020\)](#) yang membuktikan perancangan strategik menyumbang sebanyak 25.4% kepada prestasi akademik di sekolah menengah daerah Marieda, Kenya. Dapatan ini juga selaras dengan hasil kajian di sektor swasta yang melaporkan 67% dan 38.7% pengaruh perancangan strategik terhadap prestasi organisasi dalam kajian [Echcharqy dan Hassan \(2016\)](#) serta [Suklev dan Debarliev \(2012\)](#).

Analisis regresi berganda kajian ini telah mendapati hanya dua proses perancangan strategik sebagai peramal signifikan terhadap prestasi pelajar. Antaranya pelaksanaan pra perancangan yang merupakan fasa pertama dalam model kajian. Fasa pra perancangan membolehkan para pentadbir sekolah untuk mendapatkan kesepakatan mengenai apa, mengapa dan bagaimana untuk melakukan perancangan strategik ([Bryson et al., 2009](#)) sebelum mendesentralisasi perancangan strategik kepada staf bawahan. Fasa ini juga penting untuk memastikan semua warga pendidik memahami tujuan perancangan strategik supaya segala pergerakan organisasi menuju ke arah pencapaian matlamat yang ditetapkan. [Kaplan dan Norton \(2005\)](#) telah melaporkan hanya 10% hingga 20% warga organisasi memahami perancangan strategik dan menyebabkan mereka tidak terlibat aktif sebagai pelaksana strategi. Oleh yang demikian, guru sekolah perlu menghayati tujuan perancangan strategik dahulu supaya memberi sokongan dan lebih bermotivasi semasa menjalankan aktiviti yang dirancang ([Ishak & Hamzah, 2018](#)).

Di samping itu, pra perancangan juga merupakan peringkat yang penting untuk memastikan warga pendidik mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan perancangan strategik. Kajian [Yaakob et al. \(2019\)](#) mendapati sekolah menghadapi masalah kepakaran dan kemahiran teknikal dalam perancangan strategik. Kajian [Chukwumah dan Ezeugbor \(2015\)](#) pula menjelaskan salah satu punca yang menyebabkan pelaksanaan strategi yang kurang berkesan adalah disebabkan oleh pentadbir sekolah tidak memahami proses perancangan strategik dengan secukupnya. Berdasarkan analisis demografi, didapati 18.3% pengetua sekolah kajian tidak pernah menghadiri latihan kepengurusan strategik. Oleh itu, latihan berkaitan perlu diberikan

kepada pentadbir sekolah dan semua warga pendidik supaya perancangan strategik berfungsi baik dalam peningkatan prestasi pelajar.

Proses penentuan hala tuju organisasi juga bertindak sebagai peramal yang signifikan terhadap prestasi pelajar kajian ini. Keputusan ini selari dengan kajian (Aldhaheri et al., 2020) yang mendapati aspek misi, visi dan matlamat dalam penggubalan strategi mempengaruhi prestasi organisasi dan menyumbang 19.3% varians terhadapnya. Dapatan ini disokong oleh teori pengurusan berdasarkan objektif (MBO) yang menegaskan kepentingan penetapan objektif untuk meningkatkan prestasi organisasi (Ashfaq, 2018).

Walaupun proses perancangan strategik yang lain didapati bukan peramal yang signifikan tetapi tetap menyumbang prestasi pelajar dengan kadar yang rendah. Perancangan strategik akan menjadi tidak lengkap selagi tiada proses yang menyeluruh dari pra perancangan sehingga penambahbaikan strategi.

6. Kesimpulan

Dapatan kajian ini telah membuktikan perancangan strategik sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak mempunyai hubungan positif dan memberi sumbangan yang signifikan terhadap prestasi pelajar dalam aspek akademik, kurikulum dan sahsiah. Kajian ini telah menambah karya dalam dunia pengurusan sektor pendidikan yang jarang diterokai secara lanjut. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini hanya dapat mencerminkan keadaan perancangan strategik di sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak. Oleh itu, pengajian masa depan boleh meluaskan skop dari segi lokasi, sampel sekolah dan juga penggunaan pemboleh ubah perantara dan penyerdahana dalam kajian. Diharapkan maklumat kajian ini memberi input kepada organisasi pendidikan untuk menjadi perancangan strategik sebagai usaha yang bermakna dan membawa keberkesanan terhadap pencapaian prestasi pelajar.

Kelulusan Etika dan Persetujuan Untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan, inovasi & Enterprise UNIMAS. Semua proses pengumpulan data yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika yang digariskan. Kebenaran dan persetujuan semua responden telah diperolehi untuk mengikuti kajian ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan penyelia saya, Profesor Madya Dr. Abd Halim bin Busari dan Profesor Madya Dr. Zaimuariffudin Shukri bin Nordini atas bimbingan dan sokongan sepanjang proses menyiapkan kajian. Ucapan ribuan terima buat pengetua sekolah menengah kebangsaan negeri Sarawak yang sanggup meluangkan masa untuk mengisi instrumen kajian bagi menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kos penerbitan ini ditanggung sepenuhnya oleh penulis.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak memiliki konflik dan kepentingan dalam penerbitan ini.

Rujukan

- Aldhaheeri, F., Ameen, A., & Isaac, O. (2020). The Influence Of Strategy Formulation (Vision, Mission, and Goals) On The Organizational Operations. *Journal of Critical Reviews*, 7(17), 1932–1941. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.17.240>
- Amin, L. H. M., Hafiz, M. R. A., Kamarulzalis, M. N. A., Ibrahim, A. H., Taib, N. M., Ramlan, N. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Kecelaruhan Tingkah Laku: Masalah Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 51–64. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.22>
- Ashfaq, M. (2018). Managing by Objectives (MBO) and Government Agencies : A Critical Review. *European Journal of Business and Management*, 10(28), 49–53.
- Babineau, K. (2017). *How Can We Measure School Performance?* (Issue April, pp. 1–18). Cowen Institute, Tulane University. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.29676.41605>
- Bell, L. (2004). Strategic Planning in Primary Schools: A Tale Of No Significance? *Management in Education*, 18(4), 33–36. <https://doi.org/10.1177/08920206040180040701>
- Bryson, J. M. (2011). *Strategic Planning For Public And Nonprofit Organizations: Strengthening And Sustaining Organizational Achievement* (Fourth Edi). Jossey-Bass.
- Bryson, J. M., Crosby, B. C., & Bryson, J. K. (2009). Understanding Strategic Planning and the Formulation and Implementation of Strategic Plans as a Way of Knowing: The Contributions of Actor-Network Theory. *International Public Management Journal*, 12(2), 172–207.
- Bryson, J. M., & Edwards, L. H. (2017). Strategic Planning in the Public Sector. *Journal of Planning Literature*, 1(2), 253–259. <https://doi.org/10.1177/088541228600100205>
- Bryson, J. M., Edwards, L. H., & Van Slyke, D. M. (2018). Getting Strategic About Strategic Planning Research. *Public Management Review*, 20(3), 317–339. <https://doi.org/10.1080/14719037.2017.1285111>
- Carvalho, M., Cabral, I., Verdasca, J. L., & Alves, J. M. (2021). Strategy and Strategic Leadership in Education: A Scoping Review. *Frontiers in Education*, 6(October), 1–10. <https://doi.org/10.3389/educ.2021.706608>
- Chua, Y. P. (2022). *Asas Statistik Penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chukwumah, F. O., & Ezeugbor, C. O. (2015). Problems Of Implementation Of Strategic Plans For Secondary Schools' Improvement In Anambra State. *Educational Research and Reviews*, 10(10), 1384–1389. <https://doi.org/10.5897/ERR2015.2177>
- Clark, D., Martorell, P., & Rockoff, J. (2009). School Principals and School Performance. In *Calder Urban Institute* (Vol. 38, Issue december).
- Cunningham, J. (2012). Student Achievement. *National Conference of State Legislatures, Jun*. <https://doi.org/10.4324/9781315853741-5>
- Damary, O. A., Vincent, M., & Aketch, N. E. (2020). Strategic Planning and Performance of Public Secondary Schools in Rarieda District. *American International Journal of Business Management*, 3(5), 90-104.
- Davies, P. B., & Ellison, L. (2005). *Strategic Direction And Development Of The School*. Taylor & Francis Group.

- Echcharqy, S., & Hassan, A. (2016). The Correlaion Between Strategic Planning And Economic Moroccan SME's Performance. *Management and Marketing Journal*, 14(2), 225–242.
- Education Bureau. (2016). *Performance Indicators for Hong Kong Schools: For Secondary, Primary and Special School*. Quality Assurance & School-based Support Division, Education Bureau.
- Faezah, N., Norizah, D., & Kiflee, A. (2018). Kepimpinan Pengajaran , Sekolah Berkesan dan Peradaban Organisasi di Pedalaman Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 127–136. www.msocsciences.com
- Fullan, M. (2007). *The New Meaning of Educational Change* (Fourth Edi). Teacher College Press.
- Hairuddin, M. A., & Muhammad Bustaman, A. M. (2009). *Perancangan Strategik Sekolah*. PTS Professional.
- Hairuddin Mohd Ali. (2012). The quest for strategic Malaysian Quality National Primary School Leaders. *International Journal of Educational Management*, 26(1), 83–98. <https://doi.org/10.1108/09513541211194392>
- Husain, H., Yaakob, S. N., & Abdul Razak, M. R. (2017). Kompetensi Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid Di Sekolah Menengah. *Simposium Pendidikan DiPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, 185–196.
- Hussin, F., Ali, J., & Zamzuri Noor, M. S. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Universiti Utara Malaysia.
- Ilic, R. (2013). Strategic Planning At Sports Organizations. *Journal of Process Management. New Technologies*, 1(4), 113–121. <https://doi.org/10.5937/j pmnt1304113i>
- Ishak, N. (2020). *Amalan Perancangan Strategik Dan Hubungannya Dengan Amalan Membuat Keputusan Dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Di Zon Shah Alam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak, N., & Hamzah, M. I. M. (2018). Strategic Planning Practice and Decision Making Skill Amongst School Administrators. *Advanced Science Letters*, 24(1), 388–391. <https://doi.org/10.1166/asl.2018.12017>
- JNJK. (2017). *Panduan SKPMG2*. Jemaah Nazzir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Juliana, J., Jette, G., Izham, M., & Hamzah, M. (2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru : Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 171–179.
- Kaplan, R. S., & Norton, D. P. (2005). The Office of Strategy Management. *Harvard Business Review*, 83(10), 72–157.
- Kariuki, P. G., Maiyo, J., & Ndiku, J. M. (2017). Relationship Between Strategic Planning And Performance Of Public Secondary Schools In Kangundo Sub-County , Machakos Country, Kenya. *Journal of Research & Method in Education*, 6(6), 99–105. <https://doi.org/10.9790/7388-06060199105>
- Kenayathulla, H. B., Ling, H. F., Razak, A. Z. A., & Darusalam, G. (2019). School Level Resources And Students' performance In Malaysian National Type Chinese Schools. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 7(1), 37–56. <https://doi.org/10.22452/mojem/vol7no1.3>
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*.
- KPM. (2017). *Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leon-Soriano, R., Muñoz-Torres, M. J., & Chalmeta-Rosaleñ, R. (2010). Methodology for Sustainability Strategic Planning and Management. *Industrial Management and Data Systems*, 110(2), 249–268. <https://doi.org/10.1108 /02635571011020331>
- Mahamud, I. Y. (2017). *Pelibatab Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Di Rumah Dan*

- Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Murid Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Zen. (2016). *Perancangan Strategik Dan Prestasi Organisasi: Kesan Budaya Organisasi Sebagai Pembolehubah Penyederhana Dan Inovasi Pengurusan Sebagai Pembolehubah Perantara Di Sektor Awam*. Universiti Utara Malaysia.
- Myende, P. E., & Bhengu, T. (2015). Involvement Of Heads Of Departments In Strategic Planning In Schools In The Pinetown District. *Africa Education Review*, 12(4), 632–646. <https://doi.org/10.1080/18146627.2015.1112152>
- Pasha, O. Q., Poister, T. H., & Edwards, L. H. (2015). Mutual Relationship Of Strategic Stances And Formulation Methods And Their Impacts On Performance In Public Local Transit Agencies. *Administration & Society*, 1–27. <https://doi.org/10.1177/0095399715587524>
- Pindur, W. (1992). Public sector strategic planning for the year 2000. *Strategic Change*, 1(2), 101–117. <https://doi.org/10.1002/jsc.4240010207>
- Piorkowska, N., & Rynca, R. (2020). Factors Affecting The Process Of Strategy Implementation In Public And Non-Public Schools In Wrocław. *Silesian University Of Technology Publishing House*, 149(41), 493–506.
- Poister, T. H., & Streib, G. D. (1999). Strategic Management in the Public Sector: Concepts, Models, and Processes. *Public Productivity & Management Review*, 22(3).
- Ropianto, M., Rukun, K., Hardianto, M., Hayadi, B. H., Mesterjon, M., Utami, F. H., & O. Candra, M. (2017). Optimization Of Strategic Planning Organization In The Framework Of Achievement Objectives Of Education. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 149(Icest), 149–151. <https://doi.org/10.2991/icest-17.2017.50>
- Saat, L. Bin, & Zain, S. (2016). Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Efikasi dan Tugas Rutin Pengetua Terhadap Pencapaian Akademik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(3), 42–65.
- Savin, N. E., & White, K. J. (1977). The Durbin-Watson Test for Serial Correlation with Extreme Sample Sizes or Many Regressors. *Econometrica*, 45(8), 1989–1996. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.2307/1914122>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach* (Seventh Ed). John Wley & Sons Ltd. https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_102084
- Suklev, B., & Debarliev, S. (2012). Strategic Planning Effectiveness Comparative Analysis Of The Macedonian Context. *Economic and Business Review*, 14(1), 63–93.
- Wanjiku, H. k., Mwangi, J. k., & Mwangi, J. (2018). Analysis of Factors Influencing Strategic Plan Implementation in Public Level Four Hospitals in Nakuru County, Kenya. *Journal of Management*, 5(3), 392–411.
- Wolf, C., & Floyd, S. W. (2017). Strategic Planning Research: Toward A Theory-Driven Agenda. *Journal of Management*, 43(6), 1754–1788. <https://doi.org/10.1177/0149206313478185>
- Yaakob, M. F. M., Musa, M. R., Habibi, A., & Othman, R. (2019). Strategic Management And Atrategic Planning In School: Is It Worth For Teachers? *Academy of Strategic Management Journal*, 18(3).
- Zakaria, I., Yaman, M., Mohd Nor, M. Y., & Allias, B. S. (2021). Pengaruh Amalan Kepimpinan Strategik Pengetua Terhadap Kemenjadian Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(September), 96–111.